



UNIVERSITAS
SUMATERA UTARA



INTERNATIONAL
SUMMER COURSE
ARCHITECTURE
UNIVERSITAS SUMATERA UTARA



CITYSCAPE CRUSADERS
ROMBONGAN PELAJAR
UITM KE ISCA USU 2023



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Perak

TRAVELOG

JELAJAH KOTA MEDAN, INDONESIA

THE INTERNATIONAL SUMMER COURSE ARCHITECTURE USU 2023

DR LIM SENG BOON
NORADZSYIAH ADZHAR
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH



Diterbitkan Oleh:
Unit Penerbitan UiTM Cawangan Perak
Bahagian Hal Ehwal Pelajar UiTM Cawangan Perak

Alamat:
Unit Penerbitan UiTM Perak,
Pejabat Jaringan Industri, Masyarakat dan Alumni (PJIMA)
Universiti Teknologi MARA, Perak Branch,
32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia

05-3742716
uitmperakpress@gmail.com

© UiTM Perak Press, UiTM 2024

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disalin, disimpan dalam mana-mana sistem perolehan semula, atau dihantar dalam sebarang bentuk atau dengan sebarang cara; elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya; tanpa kebenaran bertulis daripada pengarah Unit Penerbitan UiTM Perak, Universiti Teknologi MARA, Cawangan Perak, 32610 Seri Iskandar Perak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia Cataloguing in Publication Data
No. e ISBN: 978-967-2776-29-1

DR LIM SENG BOON
NORADZSYIAH ADZHAR
MUHAMMAD IKHWAN HAMZAH

Cover Design and Typesetting: Muhammad Ikhwan bin Hamzah

BAB

04

TASTE OF LOCAL



SYURGA MAKANAN

Selamat datang ke Medan, sebuah kota yang tak hanya memanjakan mata dengan keindahan alamnya, tetapi juga memanjakan lidah dengan hidangan-hidangannya yang luar biasa. Kota ini merupakan **syurga makanan** utama di bumi Indonesia, dengan kekayaan rasa yang mencerminkan campuran budayanya yang beragam. Daripada hidangan khas Melayu hingga masakan unik kaum Tionghoa, Medan menawarkan pelbagai rasa yang memanjakan selera. Mari kita menikmati sejenak tentang **keajaiban kuliner** yang menyelimuti kota ini, di mana setiap suapan adalah perjalanan rasa yang menakjubkan.



Pesawat kami mendarat saat tengah malam mulai menginjak di Kota Medan. Jam seiring detak yang berdetik, tibanya sebuah bas yang janggal di mata kami bagi membawa kami ke destinasi seterusnya, Universitas Sumatera Utara. **Perut yang berkeroncong** membawa kami ke sebuah kafe. Sayangnya, makanan sudah habis. Kami telah bersepakat untuk membuat pesanan di **aplikasi Gojek** demi menenangkan gelora di perut kami. *'Tik-tok tik-tok'* makanan pun tiba. Santapan pertama yang kami cicip setelah mendarat di Kota Medan yang berwarna-warni ini ialah **Nasi Ayam Geprek**.



**Gojek dulu
baru kamu..**

Nasi Ayam Geprek, siapa yang tidak tahu. Ia merupakan satu hidangan yang sangat dikenali di pelusuk dunia. Di Kota Medan, Nasi Ayam Geprek adalah sebuah hidangan yang menggabungkan kelazatan nasi dan **kenikmatan daging ayam** geprek yang pedas dan begitu terasa di mulut. Daging ayam yang **rangup dan menyelerakan** disajikan dengan sos sambal yang meletup, menciptakan ledakan rasa yang memikat lidah.



CILI HIDUP PELENGKAP SAJIAN

Hidangan pedas sudah dianggap sebagai sebahagian pada citarasa keluarga **bagi masyarakat Indonesia**. Tidak terkecuali di Medan tempat kami berkampung. Setiap kali makan, rasanya hidangan belum lengkap kalau hidangan kami tiada **cili hidup atau sambal**. Tidak hairanlah kalau Indonesia terkenal akan makanannya yang **pedas di mata dunia**.



Nasi Ayam Bumbu Gado-Gado



Nasi Ayam Geprek

Harga: IDR 20.000 (RM 6.00)

Masih **terasa keenakan sambal** yang wajib dihidangkan bersama nasi setiap kali kami menjamu selera. Hampir kesemua hidangannya dihidangkan bersama sambal tanpa kuah yang biasanya dihidangkan di Malaysia. Buat beberapa orang pelajar Malaysia, makanan disini sememangnya **cabaran besar buat mereka**. Namun tidak dapat dinafikan, hampir kesemua daripada kami sangat mencintai **Kota Medan** dek kerana kelazatan di setiap hidangan yang disajikan kepada kami sepanjang keberadaan kami di sini.



KAMI DAN BAKSO

Setelah beberapa hari **berhempas pulas** menyiapkan segala tugas yang diberikan oleh para penceramah, kami merayakan hari kegembiraan kami dengan **santapan Bakso** yang enak dan lezat. Bakso, yang merupakan sebuah **hidangan legenda Medan**, adalah seni kuliner atau masakan yang telah memukau hati generasi demi generasi.



Mie Ayam

Harga: IDR 30.000 (RM 7.00)



“ Apapun makanannya,
minumannya Teh Botol Sosro ”

Dalam cita rasa yang begitu khas, **bakso Medan** adalah **campuran daging lembu** yang lembut dan kenyal, disajikan dalam kuah sup yang kaya dengan rempah ratus. Rasanya yang menyelerakan dan sedikit pedas menjadikan setiap suapan sebagai sebuah pengalaman rasa yang tidak terlupakan. Di setiap gerai bakso, terdapat **kisah warisan** kuliner yang berkembang bersama Kota Medan. Bakso bukanlah hanya sebuah sajian ia adalah **simbol kehangatan dan keramahan masyarakat Medan**, yang menyajikan hidangan lezat ini dengan penuh senyuman. Bagi pencinta penjelajahan rasa, bakso Kota Medan adalah **sebuah destinasi** yang ideal untuk menjelajahi kekayaan kuliner yang pastinya menggoda selera.



e ISBN 978-967-2776-29-1



9 789672 776291